



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
NOVEMBER 2023**

Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus dan 2.0 peratus pada November 2023

PUTRAJAYA, 8 Disember 2023 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR NOVEMBER 2023**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih menunjukkan peningkatan indeks harga seunit bagi bahan binaan seperti besi, batu baur dan batu bata & dinding bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan indeks harga seunit besi merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus dan 2.0 peratus bagi kebanyakan kawasan pada November 2023 berbanding bulan lepas. Peningkatan indeks harga besi adalah seiring dengan perubahan harga bijih besi dan besi yang berlaku di peringkat global.

Menurut laporan *Commodity Market Outlook* oleh *World Bank*, Oktober 2023, harga bijih besi meningkat tiga peratus pada suku ke-tiga 2023 berbanding suku sebelumnya yang didorong oleh pengeluaran keluli yang kukuh di China. Walaupun sektor hartanah China

kekal lemah, permintaan dalam penyiapan pembinaan, infrastruktur dan eksport keluli telah merangsang permintaan.

Laporan *Commodity Market Outlook* ini turut menyatakan kejatuhan bermusim bagi pengeluaran keluli China dijangka pada suku ke-empat 2023 dengan sokongan mandat kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran keluli bagi meningkatkan kualiti udara. Dengan kawalan aktiviti pembinaan dan pembuatan di China, permintaan yang lemah dan bekalan bijih besi yang semakin meningkat dijangka dapat mengekalkan harga bijih besi.

Namun begitu, laporan tersebut menyatakan bahawa bagi baki tahun 2023 dan sehingga 2024, dijangka terdapat pengurangan dalam pengeluaran keluli di China dan aktiviti ekonomi global yang lemah yang akan mengurangkan permintaan bijih besi. Sehubungan itu, harga bijih besi dijangka akan menurun 11 peratus lebih rendah pada 2023 dan terus jatuh pada 2024 dan 2025.

Selain daripada itu, indeks harga seunit bagi keratan keluli dan logam kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Terdapat sedikit penurunan dalam indeks harga bahan ini di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.2%), Terengganu & Kelantan (-0.3%) dan Kota Kinabalu (-0.3%).

Perbandingan bulanan pada November 2023 turut mencatatkan indeks seunit harga simen kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Terdapat sedikit peningkatan dalam indeks harga bahan bagi beberapa kawasan iaitu di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.2%) dan Johor (1.0%). Dalam tempoh yang sama, terdapat sedikit penurunan indeks bagi kawasan Terengganu & Kelantan (-1.6%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh November 2022 dan November 2023 menunjukkan indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 2.8 peratus dan 22.7 peratus bagi kesemua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit simen telah dicatatkan bagi kawasan Terengganu & Kelantan (22.7%), diikuti oleh Pulau Pinang, Kedah & Perlis (21.1%). Indeks harga seunit besi pula mencatatkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 4.2 peratus bagi

November 2023 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Namun begitu, terdapat penurunan indeks harga seunit besi dicatatkan di Miri (-6.1%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-4.4%) dan Tawau (-3.1%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,621.02 bagi setiap tan metrik dengan peningkatan yang kecil iaitu 0.9 peratus berbanding bulan sebelumnya (Oktober 2023: RM3,590.40 per tan metrik). Manakala, purata harga simen *Ordinary Portland* pula kekal tidak berubah berbanding bulan sebelumnya dengan purata harga RM22.94 per 50 kg sekarung.

Selain daripada itu, perbandingan bulanan indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) (termasuk bar keluli) bagi semua kategori bangunan pada bulan November 2023 mencatatkan peningkatan antara 0.2 peratus dan 1.2 peratus bagi dua kawasan Semenanjung Malaysia khususnya di Perak dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis. Namun begitu, terdapat sedikit penurunan bagi IKB (termasuk bar keluli) antara negatif 0.1 peratus dan negatif 0.5 peratus dicatatkan di kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan dan Terengganu & Kelantan.

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah pula menunjukkan peningkatan di antara 0.2 peratus dan 0.6 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu dan Sandakan pada November 2023 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, indeks bagi hampir semua kategori bangunan di Tawau mencatatkan penurunan sebanyak negatif 0.1 peratus dan negatif 2.2 peratus, kecuali cerucuk kayu.


Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada November 2023 menunjukkan peningkatan kecil dalam indeks iaitu 0.1 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Sibiu. Manakala indeks bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching mencatatkan penurunan indeks antara negatif 0.1 peratus dan negatif 0.2 peratus bagi semua kategori bangunan pada November 2023 berbanding bulan Oktober 2023.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2022 – November 2023



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2022 – November 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 DISEMBER 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
NOVEMBER 2023

The price index of steel recorded an increase between 0.1 per cent and 2.0 per cent in November 2023

PUTRAJAYA, December 8, 2023 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, NOVEMBER 2023**, today. This release provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said that, a month-on-month comparison of selected construction materials and areas showed an increase in the unit price index such as steel, aggregates and bricks & wall for most areas of Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia also stated that the unit price index of steel recorded an increase between 0.1 per cent and 2.0 per cent for almost all areas in November 2023 as compared to the previous month. The increase in the price index of steel was in tandem with the changes in the price of iron ore and steel at the global level.

According to the Commodity Market Outlook report by the World Bank, October 2023, iron ore prices rebounded by three per cent in the third quarter of 2023 as compared to the previous quarter driven by strong steel production in China. Although China's property sector remains weak, demand for construction completions, infrastructure and steel exports boosted demand.

The Commodity Market Outlook report also mentioned a seasonal fall in China's steel production is expected in the fourth quarter 2023, further supported by government mandated cuts on steel production to improve air quality. Subdued construction and manufacturing activity in China, weak demand elsewhere, and growing iron ore supply are expected to keep a lid on iron ore prices.

Nevertheless, the report stated that for the remainder of year 2023 and into 2024, steel production cuts in China and subdued global economic activity are expected to weigh on iron ore demand. As a result, iron ore prices are expected to be 11 per cent lower in 2023 and fall further in 2024 and 2025.

Apart from that, the unit price index for steel and metal sections remained unchanged for most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. There was a slight decrease in the price index of this material for Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.2%), Terengganu & Kelantan (-0.3%) and Kota Kinabalu (-0.3%).

The monthly comparison in November 2023 also recorded that the unit price index for cement remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. There was a slight increase in the unit price index for this material for a few areas, namely in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.2%) and Johor (1.0%). At the same time, a slight decrease in the index was observed for Terengganu & Kelantan (-1.6%).

An annual comparison for the period of November 2022 and November 2023 showed that the unit price index of cement recorded an increase between 2.8 per cent and 22.7 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. The highest increase in the price index per unit of cement was observed in Terengganu & Kelantan (22.7%), followed by Pulau Pinang, Kedah and Perlis (21.1%). The price index per unit of steel increased between 0.2 per cent to 4.2 per cent in November 2023 as compared to the corresponding month of the previous year. Nevertheless, the decrease in the unit price index of steel was recorded in Miri (-6.1%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-4.4%) and Tawau (-3.1%).

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, December 8, 2023

The Chief Statistician of Malaysia further stated that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars was RM3,621.02 per metric tonne, recording a slight increase of 0.9 per cent as compared to the previous month (October 2023: RM3,590.40 per metric tonne). Meanwhile, the average price of Ordinary Portland cement remained unchanged as compared to the previous month, with an average price of RM22.94 per 50 kg bag.

Apart from that, the Building Cost Material Index (BCI) (with steel bars) for all building categories in November 2023 increased between 0.2 per cent and 1.2 per cent for two areas in Peninsular Malaysia specifically Perak and Pulau Pinang, Kedah & Perlis. However, a slight decrease for BCI (with steel bars) between negative 0.1 per cent and negative 0.5 per cent was posted for Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan and Terengganu & Kelantan.

The BCI (with steel bars) for Sabah recorded an increase between 0.2 per cent and 0.6 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu and Sandakan in November 2023 as compared to the previous month. However, the index for almost all building categories in Tawau recorded a decrease in a range of negative 0.1 per cent to negative 2.2 per cent, except for timber piling.

A monthly comparison of BCI (with steel bars) in Sarawak for November 2023 showed a slight increase in the index of 0.1 per cent for almost all categories of buildings in Sibu. Meanwhile, the index for all building categories in Kuching recorded a decrease in the index between negative 0.1 per cent and negative 0.2 per cent for all building categories in November 2023 as compared to October 2023.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, December 8, 2023

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2022 – November 2023





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2022 – November 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 DECEMBER 2023**